

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tajuk Projek:

Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Untuk Cadangan Projek Pembangunan Ladang Hutan Pelbagai Spesies (252.0 Ha) Di Dalam HSK Perias (Kompitmen 277 & 279- Sebahagian) Mukim Ulu Nenggiri, Daerah Bertam, Jajahan Gua Musang, Kelantan Darul Naim.

(Jadual 1)



Pemaju Projek

Mckift Management Committee Sdn Bhd (1266905-M)

No. 13, Jalan Timur, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Nama: Sukri Bin Abdul Manaf (Pengurus Tapak)
No. Telefon: 013-907 9833
E-mel: hq@mckift.com

Perunding EIA

Tropical Growth (M) Sdn Bhd (1057718-W)

Lot PT 766, Tingkat 1, Pasar Awam Bersepadu, Wakaf Che Yeh, 15100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

Nama: Pn. Azni Masturah Binti Mohd Nour Azlan (Juru Perunding EIA)
No. Telefon : 09-747 8004/014-833 4224
E-mel: tropicalgrowth@gmail.com

Keperluan Perundangan

Keperluan Perundangan (Perintah EIA 2015)
Jadual Pertama

“Aktiviti 5(e): Pembangunan ladang hutan meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar”



Kenyataan Keperluan

Hasil hutan adalah penyumbang keempat terbesar bagi **Negeri Kelantan**, berjumlah RM129.5 juta (12.65%) daripada jumlah hasil, yang menunjukkan peningkatan sebanyak RM6.5 juta (5.28%) berbanding dengan anggaran RM123 juta pada tahun 2020. (Sidang Dun Belanjawan 2021, Negeri Kelantan)

Untuk menyediakan pembelanjaan dan kesan positif kepada ekonomi tempatan dan menjana peluang pekerjaan.





Untuk mempromosikan pembangunan ladang hutan untuk bekalan kayu secara lestari di masa depan serta meningkatkan pelaburan dalam industri perikanan di Malaysia.

Untuk meningkat pelaburan dalam industry perikanan perladangan dan menjadikan satu pendapatan bagi **Negeri Kelantan**.



Keterangan Projek




- * Cadangan tapak projek terletak di dalam **HSK Perias** (Kompatmen 277 & 279 - Sebahagian) Mukim Ulu Nenggiri, Daerah Bertam, Jajahan Gua Musang, Kelantan Darul Naim untuk membangunkan 252.0 hektar kawasan dengan projek pembangunan ladang hutan pelbagai spesies.
- * Cadangan tapak projek terletak di koordinat 04.951581° N hingga 04.968108° N dan 101.565939° E hingga 101.594411° E.

- * **Mckift Management Committee Sdn Bhd** diberikan permit penggunaan selama lima puluh (50) tahun oleh **Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan** melalui surat ruj: PHN.KN.200/1/2678(7) bertarikh pada 13hb Julai 2022.
- * Menurut dokumen **Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang (RTJGM) 2020** dan surat daripada **PLAN Malaysia Negeri Kelantan** melalui surat no. ruj:JPNK/200/1/2588.10(3) bertarikh pada 7hb Ogos 2024, cadangan tapak projek terletak di kawasan hutan simpan yang dikenali sebagai **Hutan Simpan Kekal (HSK) Perias** yang dizonkan untuk kawasan perhutanan di **Blok Perancangan (BP) 4: Lojing**, Blok Perancangan Kecil (**BPK) 4.5: Hutan Simpan Gunung Stong Selatan & Sungai Betis**.

- * Cadangan tapak projek boleh diakses menggunakan Jalan Gua Musang - Kuala Betis yang terletak kira-kira 22.3 km di bahagian tenggara daripada cadangan tapak projek
- * Cadangan tapak projek akan dilaksanakan secara berfasa (5 blok & 2 fasa)
- * Cadangan pembangunan akan bermula dengan **Fasa 1** (Blok B1, B2 and B3 - 145.9 Ha), dan diikuti **Fasa 2** (Block B4 & B5- 106.1 Ha)
- * Kawasan tidak boleh digunakan hendaklah dipelihara dari sebarang aktiviti pembangunan.
- * Jumlah kawasan yang boleh digunakan adalah 170.37 ha (67.6%) dan kawasan yang tidak boleh digunakan adalah 81.63 ha (32.4%).

Jenis Tanaman

* Cadangan jenis tanaman berdasarkan **Jabatan Perhutanan** adalah *Eucalyptus spp*, *Hevea brasiliensis* (TLC), *Acacia mangium* (Akasia), *Tectona grandis* (Jati), *Azadirachta excelsa* (Sentang), *Khaya spp.* (*Khaya ivorensis*/*Khaya senegalensis*), *Neolamarckia cadamba* (Kelempayan/Laran), *Paraserianthes falcataria* (Batai) and *Octomeles sumatrana* (Binuang).



Cadangan Kaedah Penanaman


Legend	Cadangan Kaedah Penanaman
Cerun 0° - 25° - 101.47 ha (40.3%)	Kaedah Teres
Cerun 25° - 35° - 68.90 ha (27.3 %)	Kaedah platform atau spot planting
Cerun >35° - 37.50 ha (14.9 %)	Tidak Sesuai untuk projek pembangunan ladang hutan
Zon penanaman (20m kedua-dua belah - 44.13 Ha (17.5 %)	
Jalan Rizab (4m kedua-dua belah) - 0.00 Ha (0.0%)	

Aktiviti Utama Pembangunan Projek Ladang Hutan

PERINGKAT PRA-PERANCANGAN

Kajian

- Kajian Tapak Projek
- Kajian Sempadan
- Kajian Ekologi
- Kajian Kesesuaian Tanah
- Penyediaan Laporan EIA
- Penyediaan Laporan EMP & LD-P2M2



PERINGKAT PENANAMAN

Kerja Penyediaan Tapak

- Pembinaan Jalan Masuk
- Pembalakan dan Pelupusan Sisa Pembalakan
- Pengangkutan Kayu Balak
- Pembangunan Kawasan Matau
- Pembinaan Rumah Kongsi & Pejabat Tapak Projek
- Pembinaan Kawasan Tapak Semaian & Kawasan Penyimpanan

Pemasangan Elemen LD-P2M2

- Pemasangan Sistem Lintasan Sungai (Jambatan & Pemetung Konkrit)
- Pembinaan BMPs (Kolam Perangkap Mendap, Enpangan dan lain-lain)
- Kawalan Saliran dan Pemendapan
- Zon Penampungan Sungai

Pembangunan Tapak projek

- Teres
- Lapisan, Holing dan Penanaman
- Penstabilan Sementara & Tanaman Tutup Bumi
- Pagar/Parit

Pelan Pengurusan Alam Sekitar

- Laporan Pengawasan Alam Sekitar (EMR)
- Audit Alam Sekitar
- Pematuhan Alam Sekitar

PERINGKAT OPERASI

Aktiviti Penyelenggaraan Tapak


- Merumput
- Pembajaan
- Penapisan dan Penipisan
- Kawalan Perosak dan Penyakit
- Penggunaan Racun Perosak dan Baja
- Penyelenggaraan Jalan Masuk
- Penyelenggaraan Elemen LD-P2M2

Penuaian

- Memungut Hasil
- Pembersihan dan Penebangan
- Pengangkutan
- Penyimpanan/Penimbunan Hasil

Pelan Pengurusan Alam Sekitar

- Laporan Pengawasan Alam Sekitar (EMR)
- Audit Alam Sekitar
- Pematuhan Alam Sekitar



PERINGKAT PENANAMAN SEMULA

Penanaman Semula

- Lapisan, Holing dan Penanaman
- Penyelenggaraan Tapak Semaian
- Penyelenggaraan Jalan Masuk
- Penyelenggaraan Element LD-P2M2

Pelan Pengurusan Alam Sekitar

- Laporan Pengawasan Alam Sekitar (EMR)
- Audit Alam Sekitar
- Pematuhan Alam Sekitar

PERINGKAT PENUTUPAN

Kawasan Yang Terdedah

- Landskap
- Pemberhentian Pekerja
- Penyingkiran Struktur dan Jentera
- Pemulihan


Alam Sekitar Sedia Ada

- * HTopografi tertinggi - 718 hingga 760 meter ASL (17.64 ha atau 7%)
- * Topografi terendah - 380 hingga 422 meter ASL (22.68 ha atau 9%)
- * **Geologi** – Cadangan tapak projek terletak di dalam Intrusif asid (tidak dapat dibezakan).
- * **Mineral** – Cadangan tapak projek located di dalam batuan sedimen dan metamorfik yang tidak dibezakan.
- * Sebahagian kecil kawasan di barat tapak projek yang dicadangkan terletak dalam intrusif felsik hingga sederhana, manakala tapak projek yang dicadangkan didominasi oleh batuan sedimen dan metamorfik tidak dapat dibezakan.



- * Kajian fauna merekodkan 74 spesies avian daripada 33 keluarga, 21 spesies mamalia daripada 16 keluarga dan 16 spesies herpetofauna daripada 9 keluarga.
- * Kajian flora merekodkan 247 spesies tumbuhan daripada 172 genera dan 71 keluarga.
- * Dikategorikan 150 spesies pokok (T), 34 spesies pokok renek (S), 13 spesies herba (H), 35 spesies tumbuhan pendaki (C), 6 spesies kelapa sawit (P) dan 9 spesies paku pakis (F).


Kualiti Air



- * Analisa kualiti air sungai telah dijalankan di enam (6) stesen persampelan yang berbeza.
- * **Index Kualiti Air (IKA)** untuk enam (6) stesen persampelan menunjukkan bacaan diantara 83.87 hingga 89.08. Semua enam (6) stesen persampelan diklasifikasikan sebagai **Bersih** dibawah **Kelas II NQWSM**.



Kualiti Udara




- * Satu (1) stesen persampelan untuk kualiti udara ambien (**A1**) telah dijalankan di dalam cadangan tapak projek.
- * Pengukuran kualiti udara untuk parameter PM_{10} di stesen persampelan **A1** merekodkan bacaan iaitu $46.0 \mu g/m^3$ yang mana bacaan dibawah had piawaian yang ditetapkan dalam **Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia, 2020**.



Pengukuran Bunyi



- * Satu (1) stesen persampelan (**N1**) untuk pengukuran bunyi bising telah dijalankan. Keputusan merekodkan tahap bunyi untuk waktu siang adalah 49.21 dBA manakala waktu malam merekodkan bacaan 46.52 dBA.
- * Keputusan yang diperolehi dibandingkan dengan had piawaian **Schedule 1 (Suburban Residential (Medium Density), Recreational) of Guidelines for Environmental Noise Limit and Control, Third Edition 2019 (Reprint 2021)** dimana had limit yang ditetapkan adalah 60 dBA (siang) dan 55 dBA (malam).



Garis Panduan Piawaian Pemantauan Alam Sekitar

- * **National Water Quality Standards Malaysia (NWQSM)**
- * **Malaysian Ambient Air Quality Standard 2020**
- * **Guidelines for Environmental Limits and Control, Third Edition 2019 (Reprint 2021)**

Potensi Impak Signifikan

Potensi Impak Tinggi

- * Hakisan & Mendapan Tanah dan Lumpur
- * Pencemaran Air
- * Pelupusan Sisa Pepejal
- * Flora & Fauna



Potensi Impak Sederhana


- * Pencemaran Udara
- * Pencemaran Bunyi
- * Bahan Buangan Terjadual
- * Pergerakan Trafik



Potensi Impak Rendah

- * Sosio-Ekonomi
- * Kesihatan & Penyakit
- * Keselamatan & Sekuriti





Aliran Air Sungai

- * Terdapat sungai kecil (anak sungai Sg Tang Rit) dijumpai dalam cadangan tapak projek dan akan mengalir ke Sg Tang Rit sebelum mengalir ke Sg Tenderak yang terletak di bahagian utara luar daripada cadangan tapak projek. Aliran sungai, Sg Tenderak seterusnya akan mengalir ke Sg Yai yang terletak kira-kira 6.5 km (garis lurus) bahagian utara luar daripada cadangan tapak projek sebelum memasuki sungai utama iaitu Sg Perias.

Loji Rawatan Air

- * Tiada tempat pengambilan air oleh **Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB)** terletak dalam lingkungan 5.0 km radius cadangan tapak projek. Tempat pengambilan air terdekat adalah **Loji Rawatan Air Kuala Betis** yang terletak kira-kira 22.6 km (garis lurus) hulu daripada kawasan cadangan tapak projek.
- * Terdapat loji rawatan air yang lain iaitu **Loji Rawatan Air Bertam** yang terletak kira-kira 53.5 km (garis lurus) hilir daripada kawasan cadangan tapak projek.
- * Maklum balas daripada **Jabatan Kesihatan** mendapati tiada tandak air yang terletak dalam lingkungan 5.0 km radius.




Sosio Ekonomi



- * Terdapat tiga (3) kawasan komuniti Orang Asli dijumpai di dalam lingkungan 5.0 km radius cadangan tapak projek iaitu **Orang Asli Pos Bihai, Orang Asli Pos Balar dan Orang Asli Pos Belatim**.
- * Kawasan komuniti orang asli yang dikenali sebagai **Orang Asli Pos Bihai** (Kg Peyel, Kg Bihai dan Kg Pahong) yang masing-masing terletak kira-kira 1.81 km, 2.93 km dan 3.95 km daripada cadangan tapak projek.
- * Maklumat daripada **Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Kelantan & Terengganu (JAKOA)** menunjukkan **Orang Asli Pos Bihai** mempunyai lapan (8) buah kampung kecil yang diketuai oleh tiga (3) Penghulu iaitu Awin A/L Pedik, Alang Bin Segan dan Alak A/L Pg Asu.
- * Kawasan komuniti Orang Asli ini mempunyai 1,142 individu daripada 262 keluarga.



- * **Orang Asli Pos Balar** yang terdiri daripada (Kg Ipes, Kg Perawas dan Kg Manjol) masing-masing terletak kira-kira 3.82 km, 4.42 km dan 4.77 km di bahagian Selatan cadangan tapak projek.
- * **Orang Asli Pos Balar** mempunyai lapan (8) buah kampung yang diketuai oleh dua (2) Penghulu iaitu Alin bin Busu dan Aja bin Along.
- * Kawasan komuniti Orang Asli ini mempunyai 1,009 individu daripada 218 keluarga.



- * Akhir sekali adalah **Orang Asli Pos Belatim** (Kg Cemal) yang terletak kira-kira 4.2 km di belah utara cadangan tapak projek.
- * **Orang Asli Pos Belatim** mempunyai enam (6) buah kampung kecil yang diketuai oleh dua (2) Penghulu iaitu Rosli bin Along dan Hussin A/L Dollah. Kawasan Komuniti ini mempunyai dalam 660 individu daripada 174 keluarga.
- * Maklumat terbaru daripada **JAKOA Negeri Kelantan** juga menunjukkan yang kawasan komuniti Orang Asli dilengkapi dengan beberapa kemudahan seperti sekolah (Sek. Keb. Balar), Tadika Kemas, surau, sumber air (tandak air) dan jalan perhubungan (jalan tidak berturap).

Potensi Impak Signifikan & Cadangan Pencegahan Pencemaran dan Langkah Mitigasi (P2M2)

Hakisan Tanah & Pemendapan



- * Aktiviti pembersihan tanah akan dijalankan secara berfasa untuk mengurangkan hakisan tanah. Pembangunan cadangan projek akan dijalankan di **Fasa 1** (B1, B2 & B3 - 145.9 Ha) diikuti oleh **Fasa 2** (Blok B4 & B5- 106.1 Ha).
- * Zon penampungan sungai 20.0 meter setiap kiri dan kanan tebing sungai hendaklah dikekalkan seperti yang ditetapkan oleh **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)**.
- * Pembinaan kolam takungan mendapan dan perangkap mendap bagi mengurangkan risiko hakisan tanah.
- * Sistem longkang yang efektif hendaklah dibina bagi mengurangkan air larian dari puncak bukit.
- * Pembukaan tanah seperti pembersihan tanaman tutup bumi adalah dilarang sehingga kerja tanah dimulakan bagi mengurangkan hakisan.

Pencemaran Air

- * Elemen **LDP2M2** seperti perangkap mendap, longkang, check dam dan semua jenis jambatan atau pemetung yang merentasi sungai hendaklah dibina, manakala pemeriksaan dan penyelenggaraan perlu dilakukan secara berkala.
- * Aktiviti kerja-kerja tanah hendaklah dijalankan secara berfasa bagi mengurangkan hakisan tanah.
- * Zon penampungan sungai 20.0 meter setiap kiri dan kanan tebing sungai hendaklah dikekalkan.
- * Laporan pemantauan alam sekitar dan laporan audit alam sekitar perlu disediakan bagi memastikan keberkesanan.



Pencemaran Udara



- * Cadangan pembangunan projek hendaklah dijalankan secara berfasa.
- * Sebarang pemasangan peralatan yang menggunakan bahan api perlu mengemukakan **Pemberitahuan Bertulis & Pengisytiharan Bertulis** kepada **Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kelantan** dalam tempoh sebulan atau tiga puluh (30) hari sebelum pemasangan atau pemindaan terhadap sistem kawalan pencemaran udara.
- * Jalan yang terbuka perlu di siram dengan air secara berkala terutamanya pada musim kemarau.
- * Pembakaran terbuka adalah dilarang sama sekali.
- * Program pemantauan alam sekitar (EMR) dan audit alam sekitar (EAE) adalah penting bagi menunjukkan keberkesanan **P2M2** yang telah dilaksanakan di tapak projek.

Bunyi Bising

- * Hadkan operasi waktu bekerja bermula dari 7.00 pagi hingga 7.00 petang dan kenderaan serta jentera hendaklah diselenggara dengan baik.
- * Pemantauan bunyi di dalam cadangan tapak projek dan kawasan ladang terdekat hendaklah dijalankan secara berkala.
- * Program pemantauan alam sekitar (EMR) dan audit alam sekitar (EAE) adalah penting bagi menunjukkan keberkesanan **P2M2** yang telah dilaksanakan di tapak projek.



Flora & Fauna



- * Cadangan pembangunan projek hendaklah dijalankan secara berfasa.
- * Pekerja dan penduduk tempatan dilarang sama sekali memburu sebarang spesies hidupan liar. Pos amaran yang sesuai 'Dilarang Memburu' hendaklah didirikan di kawasan berdekatan dan strategik dalam cadangan tapak projek yang dicadangkan.
- * Pemaju projek perlu mendapatkan nasihat daripada **PERHILITAN Negeri Kelantan** untuk pembinaan parit atau pagar elektrik di sempadan tapak projek yang dicadangkan.
- * Parit atau mana-mana sistem kawalan struktur perlu diselenggara dengan baik untuk memastikan keberkesannya.

Pelupusan Sisa

- * Pembakaran terbuka adalah dilarang sama sekali. Sebarang kesalahan mengenai perkara itu boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM 25,000 dan tidak melebihi RM 1000,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.
- * Disarankan menyediakan tong penyimpanan sisa yang sesuai untuk pekerja.
- * Semua sisa terjadual termasuk minyak terpakai dan minyak buangan/sisa yang dijana daripada mesin, penjana, bekas kimia, dan lain-lain hendaklah dikumpul dan dilupuskan di luar tapak oleh kontraktor berlesen untuk dilupuskan.
- * Sisa-sisa dan bahan organik lain hendaklah dilupuskan melalui sungkupan/kompos di kawasan yang sesuai di dalam cadangan tapak projek.
- * Sisa-sisa biomass juga dicadangkan untuk ditanam sedalam satu (1) meter di dalam tanah bagi mengelakkan sisa-sisa ini memasuki dan menghalang laluan air di dalam cadangan tapak projek.



Pergerakan Trafik



- * Penggerak projek hendaklah berkongsi kos penyelenggaraan jalan ladang sedia ada dengan pemilik ladang berhampiran. Pengurusan yang sewajarnya hendaklah dibuat secara bertulis antara pihak yang berkaitan untuk mengelakkan sebarang salah faham pada masa hadapan.
- * Penggerak projek perlu memastikan tiada halangan dibuat di jalan ladang sedia ada terutamanya semasa pembersihan dan penyediaan tapak.
- * Penggunaan jalan masuk ke cadangan tapak projek mestilah berjadual, dikawal dan tidak dibenarkan keluar masuk kawasan penduduk pada waktu puncak atau waktu malam.

Kesihatan & Penyakit

- * Disebabkan oleh peningkatan bilangan penyakit berjangkit (Malaria, Denggi, Leptospirosis, COVID-19 dan lain-lain), langkah-langkah mitigasi mesti diambil untuk sebarang kerja pembangunan bagi mengelakkan wabak lebih besar berlaku.
- * Pengemasan perlu dijalankan secara berkala di kuarters, pejabat, kantin dan bengkel. Ini untuk memastikan tapak projek bersih dan dapat mengelakkan daripada penyakit bawaan vektor di sekeliling.
- * Tangki septik yang sesuai di kawasan kuarters pekerja perlu dibina oleh pihak penggerak projek.
- * Berhati-hati apabila menggunakan racun perosak, atau bekerja di kawasan yang dirawat selepas menyembur, kerana risiko keracunan. Semasa aktiviti menyembur, pekerja hendaklah memakai **PPE**.



Keselamatan & Sekuriti



- * Pekerja hendaklah disediakan dengan pakaian, kasut dan alat pelindung diri (PPE) yang sesuai.
- * Pelan Tindak Balas Kecemasan juga memainkan peranan penting dalam cadangan projek ini. Pelan ini perlu disertakan dengan carta alir/proses yang perlu diambil sekiranya kecemasan berlaku.
- * Pegawai Alam Sekitar (EO) atau Pegawai Keselamatan (SO) yang dilantik hendaklah sentiasa memantau dan merekodkan di dalam buku log.
- * Pekerja harus diberi latihan yang betul dan mencukupi dalam pengendalian mesin dan prosedur kerja yang selamat.
- * Pintu masuk hendaklah dipantau 24 jam oleh pengawal keselamatan. Pintu pagar hendaklah ditutup rapat dan tidak dibenarkan memasuki tapak cadangan projek dan terus lapor ke balai polis berhampiran.

Penutupan

- * Merobohkan semua kuarters pekerja, pejabat tapak dan lain-lain. Semua sisa mesti dilupuskan dengan cara yang betul.
- * Semua sisa buangan terjadual mesti dikembalikan kepada pembekal atau kepada pengumpul sisa buangan terjadual yang berdaftar.
- * Tanaman tutup bumi mesti ditanam di semua kawasan terbuka. Ia boleh mengelakkan daripada hakisan tanah di kawasan cerun.



Cadangan Pemantauan Program Alam Sekitar

Komponen Alam Sekitar	Parameter	Keperluan Piawaian	Stesen Pengawasan	Cadangan Kekerapan
Kualiti Air Sungai 	* Suhu * pH * Oksigen Terlarut (DO) * Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) * Keperluan Oksigen Kimia (COD) * Jumlah Pepejal Terampai (TSS) * Kekeruhan * Besi * Mangan * Ammonia Nitrogen * E. Coli * Oil & Grease	* National Water Quality Standard for Malaysia (NWQSM) * Indeks Kualiti Air (IKA) * Syarat-syarat kelulusan EIA	* W1, W2, W3, W4, W5, W6, W7 dan W8 (Mengikut data dalam EIA dan akan berubah mengikut keadaan semasa tapak projek dan fasa pembangunan)	* Bulanan
Kualiti Udara 	* PM ₁₀	* Malaysian Ambient Air Quality Standards (2020) * Syarat-syarat kelulusan EIA	* A1	* Suku tahun
Bunyi Bising 	* L ₁₀ , L ₅₀ , L ₉₀ , L _{eq} , L _{peak} , L _{max} dan L _{min} .	* Guidelines for Environmental Noise Limits and Control, Third Edition (2019) * Syarat-syarat kelulusan EIA	* N1	* Suku tahun
Mendapan & Hakisan 	* Pepejal terampai * Kekeruhan	* Syarat-syarat kelulusan EIA	* Aliran keluar pelepasan kolam perangkap mendap	* Pemeriksaan oleh EO Selepas hujan (12.5 mm)
Pengurusan Sisa Berjadual 	* Pemeriksaan keadaan tempat penyimpanan * Kenal pasti tanda-tanda berlaku kebocoran minyak	* Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual (2005) * Syarat-syarat kelulusan EIA	* Stor bahan buangan terjadual * Tapak projek yang masih beroperasi	* Pemeriksaan oleh EO
Pengurusan Sisa Pepejal 	* Pemeriksaan secara berkala	* Environmental Quality (Prescribed Activity) (Open Burning) Order (2000) * Syarat-syarat kelulusan EIA	* Kesihatan umum	* Pemeriksaan oleh EO
Ekologi 	* Flora * Hidupan liar	* Syarat-syarat kelulusan EIA	* Semua kawasan cadangan tapak projek	* Pemeriksaan oleh EO

Cadangan Stesen Pengawasan Alam Sekitar

